

PENUTUPAN SEMINAR KEIBUBAPAAN 2002

CABARAN KEIBUBAPAAN DALAM ARUS GLOBALISASI

Terima kasih diucapkan kepada pihak penganjur seminar kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan Majlis Penutupan Seminar Keibubapaan Tahun 2002 anjuran Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial (SPSiKS) dengan kerjasama Kelab Suri Rumah dan Staf Wanita Universiti Malaysia Sabah (KESUMBA).

Manfaat dan Penglibatan

Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada tuan-tuan dan puan-puan yang telah berjaya menyertai seminar selama dua hari ini. Saya yakin, kertas kerja yang telah dibentangkan oleh para penceramah terkenal dan berwibawa telah mampu mengupas dan memberi maklumat bermakna mengenai isu-isu yang mencabar keluarga dan keibubapaan, sama ada dari perspektif kebangsaan mahupun antarabangsa.

Dalam beberapa sesi bengkel dan forum, saya juga percaya bahawa anda telah mendapat peluang bertukar-tukar fikiran dengan ahli-ahli panel yang terdiri daripada pakar-pakar motivasi keluarga dan kanak-kanak. Berdasarkan penyampaian rumusan dan resolusi bengkel tadi, saya difahamkan bahawa penyertaan daripada tuan-tuan dan puan-puan amatlah positif dan komited.

Peranan dan Cabaran

Anak-anak merupakan anugerah yang paling berharga dalam sesebuah keluarga. Anak akan menjadi penyeri rumahtangga dan pengikat kasih sayang suami isteri. Keluarga pula merupakan persekitaran pertama anak-anak sebelum mereka melangkah ke dunia luar. Keluarga yang kukuh dan stabil akan melahirkan anak-anak yang boleh menghadapi segala cabaran dalam proses perkembangan mereka, tidak kira dari segi sosial, emosi dan kognitif.

Persoalan utama masa kini ialah mampukah kita membimbing dan membesarakan anak-anak supaya menjadi anak yang berguna kepada agama, bangsa dan negara pada masa akan datang? Sebenarnya, persoalan inilah yang menjadi cabaran utama para ibu bapa masa kini. Mampukan ibu bapa membesarakan anak-anak yang berdaya saing di tengah-tengah era perkembangan teknologi dan senario dunia tanpa sempadan, serta kemunculan pelbagai cabaran keibubapaan yang lain?

Ibu bapa pada dekad ini harus sedar peredaran masa dan perkembangan teknologi telah banyak mengubah corak keibubapaan. Pada masa kini, anak-anak lebih terdedah kepada pengaruh-pengaruh luar. Oleh itu, ibu bapa tidak sepatutnya menyamakan keadaan masa lalu dengan masa kini.

Mungkin corak keibubapaan pada masa lalu tidak lagi sesuai digunakan pada masa kini. Mereka seharusnya mencari pendekatan baru untuk mengasuh anak-anak yang terdedah kepada pelbagai pengaruh luar ini. Sebagai ibu bapa, kita harus bersedia untuk mengemas kinikan kemahiran yang ada. Kemahiran dan pengetahuan terkini dalam bidang keibubapaan tidak akan diperolehi sekiranya ibu bapa tidak berusaha untuk mendapatkannya. Penyertaan dalam seminar, bengkel dan forum merupakan salah satu cara untuk mendapatkan pengetahuan seumpama ini.

Oleh itu, penganjuran seminar seumpama ini amat penting untuk melahirkan ibu bapa yang berpengetahuan dan memiliki kemahiran terkini dalam bidang keibubapaan. Ibu bapa harus merebut peluang untuk meningkatkan ilmu. Saya berharap ibu bapa akan terus berusaha untuk mendapatkan pengetahuan-pengetahuan terkini dalam bidang keibubapaan kerana peredaran masa begitu cepat mengubah persekitaran. Kita harus mengejar perubahan-perubahan ini agar dapat menjalankan tanggungjawab dengan lebih efektif.

Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan syabas kepada SPSiKS dan KESUMBA yang telah menganjurkan seminar ini dengan jayanya. Saya berharap anda dapat mengaplikasikan segala pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi di seminar ini dalam menjalankan tanggungjawab anda sebagai ibu bapa. Manakala kepada peserta yang masih belum berumahtangga, semoga seminar ini akan memberi input penting untuk mempersiapkan diri anda ke alam tersebut, seterusnya menjadi ibu atau bapa yang cemerlang.

Ucapan di Penutupan Seminar Keibubapaan 2002 di Galeri Aras 3, Bangunan Canselor pada 10 Mac 2002.